

INASIS TNB Juara Nyanyian Irama Malaysia UCF 2017

Pusat Budaya dan Seni -PBS

Mon 09/10/2017 9:40 AM

To:UUM - All Staff <uumnet@uum.edu.my>; UUM - All Students <studentnet@uum.edu.my>;



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

09 OKTOBER 2017, ISNIN | 19 MUHARAM 1439H



HEP: Nurul Azira Othman dari Inapan Siswa (INASIS) TNB berjaya merangkul gelaran Juara Pertandingan Nyanyian Solo Lagu Irama Malaysia sempena UUM Cultural Festival (UCF) VII 2017 anjuran Pusat Budaya dan Seni (PBS) Universiti Utara Malaysia (UUM) yang berlangsung pada 6 Oktober 2017 baru-baru ini bertempat di Dataran Budaya.

Manakala Naib Johan menjadi milik Nursabrina Zamri dari INASIS SME Bank dan Tempat Ketiga disandang oleh Nur Akmal Ruslan dari INASIS Grantt yang juga masing-masing membawa pulang piala iringan dan hamper.

Menurut Pengarah PBS Huzaidy Haji Hussain, pertandingan ini bukan sahaja untuk melihat keupayaan peserta mendendangkan lagu malah kreativiti dan gaya yang menarik juga merupakan elemen penting dalam penilaian juri.

Menurutnya, aktiviti seumpama ini akan dapat mendedahkan peserta agar sentiasa berusaha menjadi yang terbaik, berdikari dan peka dengan keadaan sekeliling yang sentiasa berubah-ubah.

"Secara tidak langsung ia menunjukkan kepada masyarakat bahawa UUM merupakan sebuah universiti yang dinamik dalam menjalankan aktiviti bukan sahaja dalam bidang pengurusan tetapi juga berkaitan dengan bidang lain termasuk kebudayaan," jelasnya.

"UCF merupakan satu konsep kreatif dan idea seni yang pertama kali diperkenalkan melalui acara-acara seni yang melibatkan gabungan 1Malaysia mahasiswa IPTA", kata beliau di sini hari ini.

"Kebudayaan dan kesenian adalah satu komponen yang dapat membentuk kesepakatan masyarakat Malaysia melalui sikap saling hormat-menghormati budaya masing-masing", tambah beliau lagi.

Dengan penyertaan dalam festival ini ia menjadi landasan kepada mahasiswa dalam memupuk semangat berpasukan di samping menanam sikap cinta terhadap budaya Malaysia.

Turut hadir menyempurnakan penyampaian hadiah Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara Dato' Mod Zaky Din.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.